

TOKOH ULAMA TERMASYHUR DALAM PERKEMBANGAN ISLAM DI SELANGOR SEBELUM MERDEKA (1900-1957) : SATU TINJAUAN BIOGRAFI

(Figure In The Development Of Islamic Scholars Before Independence In Selangor (1900-1957): An Overview Of Biography)

Oleh :

Aisyah Ab Rahim*

Mohd Roslan Mohd Nor**

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan tentang beberapa tokoh ulama termasyhur yang banyak memberikan sumbangan dalam perkembangan Islam di Selangor sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Penulisan ini akan dimulakan dengan pengenalan kepada biodata tokoh secara ringkas yang merangkumi latar belakang diri, pendidikan dan seterusnya sumbangan yang diberikan dalam perkembangan Islam di Selangor. Keseluruhannya, penulisan ini menggunakan kajian perpustakaan dengan meneliti rekod dan bahan dokumentasi. Penulisan ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada umat Islam tentang ketokohan ulama di Selangor di samping dapat memberi gambaran tentang kewibawaan dan kredibiliti peribadi seseorang tokoh terdahulu yang boleh dijadikan teladan dan ikhtibar.

Kata kunci: *tokoh ulama, perkembangan Islam, Selangor, kemerdekaan, Tanah Melayu.*

Abstract

This paper discusses about some famous Islamic scholars who contribute a lot in the development of Islam in Selangor before the independence of Malaya. This study will begin with an introduction to a brief biodata figure which includes background, education and so their contribution in the development of Islam in Selangor. Overall, this paper uses library research by examining the records and documentation material. Writing is expected to provide exposure to the Muslims about the significant role of the clergy in Selangor as well as to provide an insight into one's personal integrity and credibility of the previous figure can be an example and tuition.

Keywords: *Islamic scholars, development of Islam, Selangor, independence, Malaya*

* Calon Ijazah Sarjana Doktor Falsafah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pendahuluan

Negeri Selangor ialah sebuah kerajaan baru di Tanah Melayu berbanding dengan kerajaan-kerajaan yang lain seperti Kesultanan Melayu Melaka, Kerajaan Pahang, Terengganu dan Kedah. Mengikut sejarah, ibu negeri Selangor pada zaman dahulu terletak di mana Yang Dipertuan Negeri bersemayam bersama-sama rakyat dan orang-orang besarnya. Dari Sungai Selangor, kerajaan ini telah berkembang meliputi lima buah sungai yang besar dan disatukan atas dasar melantik ‘Orang Besar’ di setiap jajahan yang patuh kepada Sultan. Dengan penyatuan itu maka wujudlah Negeri Selangor dan jajahan takluknya (merujuk kepada Sungai Bernam, Sungai Selangor, Sungai Kelang, Sungai Langat, Jugra).¹

Selangor merupakan jajahan takluk Kesultanan Melayu Melaka sejak kurun ke-15 lagi, yang kemudiannya diganti oleh kerajaan Johor selepas tahun 1511M.² Pada abad ke-17 dan ke-18, orang Bugis telah datang ke rantau ini akibat daripada perlakunya peperangan dengan Belanda pada 1667M. Bugis telah terlibat secara mendalam dalam pergolakan politik kerajaan Johor pada abad ke-18 dan sebenarnya telah membuka sebuah penempatan di Jeram dan Langat dimana mereka menjalankan perniagaan dengan Melaka. Penempatan ini telah berkembang dan akhirnya seorang anak Raja Bugis (Raja Lumu)³ dilantik menjadi Sultan Selangor yang pertama.⁴

Pada kurun ke-15M , menjadi suatu kebiasaan negeri jajahan itu menganut agama yang dianut oleh pemerintahnya. Ini kerana agama Islam pada waktu itu telah diakui sebagai suatu tenaga politik dan ekonomi yang amat berpengaruh. Para pemimpin memerlukan sekutu dan sokongan politik dan ekonomi bagi menjamin kelangsungan kuasa.⁵ Manakala rakyat pula mengikut anutan raja-raja mereka sebagai menunjukkan taat setia.⁶ Oleh itu, masyarakat Melayu di Selangor menganut agama Islam sebagaimana agama pemerintahnya iaitu Kesultanan Melayu Melaka dan

¹ J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputera (Kuala Lumpur, 1970), 149-150.

² Zakiah Hanum, Asal-usul Negeri-negeri di Malaysia : Negeri Selangor (Petaling Jaya : Times Books International, 1989), 74-75.

³ Perlantikan Raja Bugis, walaupun pada dasarnya terdapat satu pendapat yang sama tetapi mempunyai perbezaan tentang orang yang sebenarnya bertanggungjawab dalam perlantikan itu menurut :

i.Sahabuddin Ahmad, dalam catatan tanpa cetak,”Perlantikan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor I adalah diperkenankan oleh satu kumpulan masyarakat Melayu dibawah ketuaan Datuk Ungku Naga Mengelor yang diakui oleh Sultan Johor sebagai wakilnya, dengan diberi ‘mohor’ pada tahun 1700”.

ii.Mohd. Said bin Hj. Mohd Radzi, dalam “Dalam Sejarah Ringkas Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam”, dalam Tinjauan Sejarah, Jilid I, Mac 1973:”kira-kira t.m. 1756, empat orang-orang besar:Dato’ Aru, Dato’ Penggawa Permatang, Dato’ Jeram dan Orang Kaya Kecil, iaitu pemerintah beberapa tempat yang disebut di atas, dikatakan telah bersepakat menjemput anak Daeng Celak, Raja Lumu diangkat menjadi Yamtuan Selangor”.

iii.Barbara Watson Andaya (yang menggunakan sumber Belanda sezaman), Raja Lumu ditabalkan di Kota Lumut, Perak pada 1766M.(“The Installation of the first Sultan of Selangor in 1766M” dalam JMBRAS, vol.XLVII, Pt. 1, 1974).

⁴ Khoo Kay Kim et al., Selangor Dahulu dan Sekarang (Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia, 1985), 14-15.

⁵ Auni Abdullah, Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintah Alam Melayu (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1991), 16.

⁶ Muzaffar Dato’ Hj. Muhammad dan Suzana Hj. Othman, Ahlul Bait Rasulullah s.a.w. dan Raja-raja Melayu (Kuala Lumpur : Al-Wasilah Enterprise, 2001), 285.

tidak mustahil jika Selangor juga berkanunkan Hukum Kanun Melaka sebagai undang-undang asas.⁷

Sejak zaman kegemilangan negeri Melaka lagi nama Klang telah tersohor dalam catatan Sejarah Melayu, malah ia merupakan tempat yang terpenting pada masa itu. Lembah Klang di Selangor juga menjadi tempat tumpuan para alim ulama dari Tanah Jawa, Sumatera, Fathani dan juga Makkah. Sejak zaman Kesultanan Melayu Selangor yang ditubuhkan oleh Raja Lumu bin Daeng Celak pada tahun 1756 M yang berketurunan Bugis, para ulama telah memainkan peranan yang sangat penting sebagai penasihat agama. Apatah lagi saudara kecil baginda as-Syahid Raja Haji bin Daeng Celak merupakan pahlawan perkasa yang syahid menentang Belanda.⁸

Kedatangan para ulama di Selangor diperkirakan bermula pada zaman Sultan Selangor Ke-3 iaitu Sultan Mahmud (1826-1857M) sebelum sekolah pondok dan institusi pendidikan moden diwujudkan. Syeikh Abdul Ghani bin Subuh bin Ismail al-Bimawi (Bima) Sumbawa, dari Sumatera merupakan antara ulama yang terawal datang ke Selangor yang dilantik sebagai penasihat agama sekitar tahun 1825M. Dalam kunjungan itu beliau telah mengharamkan pemakaian mahkota leleng yang diperbuat daripada emas yang berasal dari Bugis. Dengan itu segala barang-barang kerajaan zaman almarhum-almarhum terdahulu daripadanya yang diperbuat daripada emas telah dipecahkan.⁹

Selepas Syeikh Abdul Ghani Bima pulang ke Makkah, jawatan penasihat agama digantikan oleh Syeikh Ja'afar bin Abdullah (1885-1887M) dan seterusnya berpindah kepada Syeikh Ahmad bin Mahyiddin (1888M) sehingga kepada Syeikhul Islam YM Raja Haji Mahmud Zuhdi bin Abdul Rahman al-Fathani (1930-1935M). Beliau dilantik sebagai Syeikhul Islam pada 1935-1952M. Kesemua para ulama pada masa itu berperanan secara aktif di dalam kerajaan negeri Selangor. Bahkan ada juga ulama di waktu itu yang tidak terlibat langsung dengan kerajaan atau berjawatan tinggi tetapi mereka aktif dalam perkembangan pendidikan Islam di Selangor.¹⁰

Terdapat banyak pondok-pondok yang diasakan oleh ulama-ulama terdahulu seperti Pondok Syeikh Suhaimi Sungai Udang Klang (1920M), Pondok Kiyai Muhammad Ali Sijangkang (1927M), Pondok Kiyai Darda' Sungai Pinang Klang (1937M), Pondok Kiyai Khalil bin Abi Ammar al-Jawi, Bukit Naga (1940M), dan banyak lagi. Selain pondok, terdapat juga sekolah-sekolah agama yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Selangor seperti Madrasah Awamiah di Kampung Sepintas, Sabak Bernam (1930M), Sekolah Agama Parit Baru (1933M), Madrasah Marta il Ulum al-Diniah Klang (sekarang Sekolah Hishamuddin Sungai Bertih Klang), Madrasah Parit Lima Sungai Besar (1937M) dan sebagainya.¹¹

⁷ Nurul Huda binti Mohd. Bisri, Peranan Kesultanan Melayu-Bugis Terhadap Perkembangan Islam di Selangor : Suatu Kajian Sejarah (Disertasi sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003), 5.

⁸ Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelangi, "Riwayat Hidup Kiyai Haji Muhammad Dahlan Bin Hassan Minhaj : Qadhi, Imam dan Syeikh Tarikah" (makalah, Seminar Tokoh Ulama Selangor, Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008), 91.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ *Ibid.*

Kajian mengenai ulama-ulama di Selangor memerlukan usaha yang cekal dan berterusan. Kekangan rekod dan dokumentasi merupakan sebahagian cabaran dalam memperolehi sesuatu maklumat. Hal ini kerana kurangnya penyelidikan yang mendalam tentang ulama-ulama di Selangor. Justeru itu, penulis mengambil peluang untuk mengkaji mengenai isu ini supaya dapat dijadikan rujukan oleh masyarakat.

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh beberapa orang penulis mengenai ulama-ulama di Selangor. Antaranya, “*Peranan Ulama-ulama di Serambi Istana Alaeddin*” oleh Y.Bhg.Ustaz Haji Wan Mohd.Shaghir Abdullah.¹² Dalam tulisan ini, Y.Bhg. Ustaz Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah membincarakan tentang keseimbangan dan perbandingan keserasian antara umara’ dengan ulama seperti yang pernah diriwayatkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Kedua-dua golongan itu memang sangat diperlukan oleh umat Islam pada setiap zaman, bahawa kita perlu pemerintah yang adil dan ulama yang betul dan bertaqwah. Beliau membincarakan tentang Baginda Sultan Sulaiman yang berganding dengan guru dan ulama yang dikasih baginda iaitu Tengku Mahmud Zuhdi bin Tangku ‘Abdur Rahman al-Fathani. Seterusnya diiringi dengan beberapa orang ulama yang pernah mengajar atau yang pernah menghasilkan karya di Selangor.

Selain itu, terdapat beberapa artikel yang ditulis dan di bentangkan di Seminar Tokoh Ulama Selangor pada 2008 yang dianjurkan oleh Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Bahagian Dakwah, Jabatan Dakwah Islam Selangor. Terdapat banyak tokoh-tokoh ulama Selangor yang dibentangkan dalam seminar tersebut. Antaranya, Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani oleh Haji Muhammad bin Santoso dan Y.Bhg. Ustaz Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah, Kiyai Muhammad Ali Qaribun oleh Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelangi, Kiyai Haji Husain bin Haji Abbas oleh Mohd Khafidz bin Soroni dan banyak lagi ulama-ulama yang dibentangkan. Kajian-kajian ini ditulis secara ringkas sebagai tatapan untuk pengetahuan umum. Justeru itu, penulis berpendapat bahawa kajian-kajian ini masih memerlukan penyelidikan secara mendalam dan terperinci lagi mengenai ulama-ulama di Selangor.

Ulama-Ulama Termasyhur Di Selangor

Catatan biografi ringkas ini meliputi tokoh-tokoh yang pernah memberi sumbangan dalam perkembangan Islam di Selangor. Fokus perbincangan akan tertumpu kepada latar belakang diri, pendidikan dan sumbangan yang pernah diberikan oleh tokoh-tokoh ini.

1) Tengku Mahmud Zuhdi Al-Fathani

Nama lengkap beliau ialah Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani bin Tuanku Nur bin Raja Belat Ibnu Raja Datu al-Fathani al-Jawi. Ayahnya adalah seorang raja di Jambu-PATANI yang telah ditangkap oleh Siam dan ditempatkan di istana tersendiri di Ban Sim Dip, Bangkok. Ibunya bernama Kalsum binti Haji Sa’ad, berasal dari India. Tengku Mahmud Zuhdi dilahirkan di Ban Sim Dip, Bangkok pada tahun 1293H/1876M dan meninggal dunia di Makkah pada 6 Rabi’ul Awwal 1376H/10 Oktober 1956M.¹³

¹² Wan Mohd. Shaghir Abdullah, “Peranan Ulama-ulama di Serambi Istana Alaeddin”(makalah, Perasmian Bangunan Sultan Idris Shah, Jabatan Agama Islam, Shah Alam, Selangor, 14 Mac 2005), 2.

¹³Wan Mohammad Shaghir Abdullah, “Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani”(Utusan Malaysia, Bahagian Agama, syeksyen 3, 22 Mac 2004), 9.

Beliau mendapat pendidikan asas ilmu-ilmu Islam dan pengetahuan tentang raja-raja Melayu daripada ayahnya sendiri. Beliau pernah menuntut ilmu dengan Syeikh Abdul Latif bin Mustafa al-Fathani di Thait (pinggiran kota Bangkok). Dalam usia 8-9 tahun (1302H/1885M), beliau telah dihantar ke Makkah al-Mukarramah untuk menimba ilmu pengetahuan. Di Makkah, beliau diserahkan kepada Sheikh Ahmad al-Fathani. Sheikh Ahmad al-Fathani sendiri yang mendidik beliau dan mendaftarkan beliau di Maktab Shaulatiyah, institusi pendidikan yang diasaskan oleh orang India. Oleh demikian, Tengku Mahmud Zuhdi memperolehi dua sistem pendidikan iaitu sistem tradisional pondok dan sistem persekolahan. Beliau telah diberikan kebenaran untuk mengajar di Masjidil Haram Makkah. Selain itu, beliau juga pernah belajar dengan Mukhtar ‘Atharid Bogor.¹⁴

Tengku Mahmud Zuhdi adalah murid yang paling cemerlang di sekolah itu. Oleh itu, beliau diminta mengajar di sekolah itu pada tahun 1895M. Pada tahun 1900M, Syeikh Ahmad al-Fathani mendesak beliau supaya melanjutkan pelajaran ke Mesir bersama-sama dengan Syeikh Muhammad Nur al-Fathani, Syeikh Tahir Jalaluddin Minangkabawi dan lain-lain. Di Mesir, beliau hanya memperdalam pelbagai ilmu yang telah beliau pelajari di Makkah, terutama ilmu falakiyah dan ilmu khat. Pada tahun 1905M beliau lulus dari peperiksaan Hasyimiyyah (syarif Husein) dengan memperolehi Syahadah al-Kubra dan memperoleh kebenaran mengajar di Masjidil Haram Makkah.¹⁵

Tengku Mahmud Zuhdi telah berhijrah dari Makkah ke Jambi, Sumatra pada 1344H/1925M. Di Jambi, beliau telah mendirikan sekolah Arab di Tahlul Yaman. Apabila Sultan Sulaiman Syah mendengar ulama tersebut berada di Jambi, baginda sendiri berkenan mencemar duli datang ke Jambi untuk mengajak Tengku Mahmud Zuhdi berpindah ke Selangor. Beliau telah berangkat ke Klang pada tahun 1929M dan diamanahkan menjawat jawatan sebagai Penasihat Agama Selangor dan kemudian beliau telah dilantik menjadi Syiekhul Islam Setia Diraja Selangor. Beliau mempunyai hubungan yang sangat baik dengan Sultan Sulaiman iaitu Sultan Selangor yang kelima yang bertahta pada 1898-1938M, dan memerintah selama lebih kurang 40 tahun.¹⁶

Semasa beliau berkhidmat di Pejabat Agama Islam Klang, beliau sering diundang oleh para ulama untuk mengajar di masjid-masjid dan juga pondok terutamanya oleh Kiyai Haji Muhammad Ali yang sering menjemput beliau untuk mengajar di pondoknya di Sijangkang. Beliau seorang yang tegas dan garang sehingga Shaikh Mahmud Arif al-Bukhari yang terkenal dengan ketegasan beliau juga tidak dapat menandingi ketegasan Tengku Mahmud Zuhdi. Pernah satu ketika beliau mengharamkan loteri (Kebajikan masyarakat) yang diasaskan oleh al-Marhum Tengku Abdul Rahman al-Haj, malangnya

¹⁴ Muhammad bin Santoso, “Tengku Zuhdi Al-Fathani : Syeikh al-Islam Selangor Bersama Sultan Syah Menyebar Agama” (makalah,Seminar Tokoh Ulama Selangor,Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008), 28.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid., 30-31.

tidak mendapat sokongan dari mufti seluruh Tanah Melayu, lantas beliau mengambil keputusan meninggalkan Tanah Melayu dan pulang ke Makkah.¹⁷

Tengku Mahmud Zuhdi dapat dikategorikan sebagai ulama dunia Melayu yang mampu mengarang dalam dwi bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu. Antara karangannya ialah:¹⁸

- i) *Al-Faridatus Saniyah wal Khuthbatul Bahiyah* diselesaikan hari Isnin, akhir Muharam 1321H. Cetakan pertama Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah Makkah 1331H. Kata pujian oleh Syeikh Abdullah Daud al-Fathani dan saudaranya Syeikh Muhammad Nur Daudi al-Fathani. Kandungannya mengenai khutbah Jumaat. Pada halaman akhir terdapat puisi Syeikh Abdullah Daud Fathani dan puisi pengarangnya. Kedua-duanya dalam bahasa Melayu.
- ii) *Janiyatus Tsamarat fi Ta'rif Ba'dhil Kalimat*, diselesaikan di Makkah, subuh Jumaat awal Rabiulawal 1325H. Cetakan pertama Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Makkah 1325H. Kandungannya membicarakan nahu dalam bahasa Arab yang merupakan syarah Matan al-Ajrumiyyah. Pada cetakan ini terdapat juga ilmu isti'arah karya gurunya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani.
- iii) *Syarh Tadrijis Sibyan ila Tasywiqil Bayan*, diselaikan di Makkah 1330H. Cetakan pertama Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Makkah 1332H. Pada bahagian tepi dicetak matan ilmu tersebut yang disusun oleh gurunya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Kata pujian oleh Saiyid Abdullah bin Saiyid Muhammad Shalil az-Zawawi (Mufti Makkah al-Mukarramah). Kandungannya membicarakan ilmu asti'arah (bahagian ilmu bayan) dan ditulis dalam bahasa Arab yang merupakan syarah karya gurunya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani.
- iv) *Tsimarul Khutbah al-Mahbarah al-Minbariyah*, diselesaikan Muharam 1335H. Dicetak oleh Mathba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah. Mengandungi kumpulan khutbah dan terdapat berbagai-bagai amalan.

2) Kiyai Muhammad Ali Qaribun

Nama sebenar beliau ialah Kiyai Muhammad Ali bin Qaribun bin Suriyan al-Mentarami, berasal dari Bantul, Mataram (Jokjakarta), Indonesia. Beliau dilahirkan sekitar tahun 1858M/1279H. Susur galur beliau bertemu dengan Sunan Ampel iaitu salah seorang Wali Songo di Tanah Jawa. Beliau mempunyai 9 orang adik-beradik iaitu 8 lelaki dan seorang perempuan. Ibu Kiyai Haji Muhammad Ali merupakan puteri Sultan Mataram, setelah ayah beliau (Qaribun) diangkat menjadi pengiring dan juru payung Sultan. Beliau wafat

¹⁷ Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelangi, "Kiyai Muhammad Ali Qaribun : Pengasas Awal Pondok Di Selangor" (makalah,Seminar Tokoh Ulama Selangor,Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008), 75.

¹⁸ Ahmad Zaki bin Hj.Arshad, "Hubungan Antara Umara' dan Ulama di bawah Pemerintahan Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor" (makalah,Seminar Tokoh Ulama Selangor,Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008), 5-6.

pada 5 Jamadil Akhir 1374H bersamaan hari Jumaat, 28 Januari 1955 setelah hampir 40 tahun menabur bakti di negeri Selangor.¹⁹

Kiyai Haji Muhammad Ali mendapat pendidikan awal di Tanah Jawa, Indonesia sekitar 1868-1878M. Beliau tidak menyebut di manakah beliau mendapat pendidikan awal sebelum ke Makkah. Walaubagaimanapun beliau pernah menyebut beberapa buah pondok di Tanah Jawa yang masyhur iaitu Pesantren Termas di daerah Pacitan, Pesantren Lir Boyo Kediri di daerah Mojoroto Kotamaya, Pesantren Tebuireng di Jombang, Jawa Timur²⁰ dan Pesantren Langitan di Tuban. Kempat-empat pondok ini sentiasa disebut semasa beliau mengajar murid-muridnya di Sijangkang. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa beliau menuntut ilmu di Tanah Jawa, kemudian ke Makkah selama puluhan tahun dengan menaiki kapal layar sekitar tahun 1880-an.(Pendidikan Kiyai Haji Muhammad Ali masih kabur dan memerlukan kajian yang lebih terperinci kerana tiada catatan yang lengkap mengenainya).²¹

Kiyai Haji Muhammad Ali mula berhijrah ke Sijangkang pada tahun 1917M dan beliau telah mendirikan sebuah masjid yang dikenali sebagai Masjid Kiyai Haji Muhammad Ali Umar Sijangkang. Setelah berada di Sijangkang, beliau telah mula mengajar di masjid dengan bilangan murid yang sedikit dan akhirnya muridnya kian bertambah ramai. Apabila muridnya bertambah ramai sekitar 400 orang, maka banyak pondok-pondok kecil didirikan di kawasan masjid secara bergotong-royong. Kiyai Haji Muhammad Ali dibantu oleh adiknya iaitu Kiyai Abbas (Abdullah Kahfi)²² sebagai pembantu. Bermula dengan tertubuhnya pondok ini maka muncullah pondok-pondok disekitar Klang, antaranya Pondok Masyhudi di Sungai Pinang, Pondok Kiyai Darda'(1937) di Sungai Pinang, Pondok Kiyai Haji Muhammad Khalil al-Jawi (1940), Pondok Kiyai Hairawi (1960) dan banyak lagi.²³

Sejak pondok ini dirikan, penuntut Kiyai Haji Muhammad Ali semakin ramai sehingga datang dari Johor, Perak, Melaka dan seluruh Tanah Melayu. Kebanyakan murid-murid beliau tertarik dengan kewibawaan dan ketinggian ilmu beliau yang mengajar tanpa

¹⁹ Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelangi, "Kiyai Muhammad Ali Qaribun : Pengasas Awal Pondok Di Selangor", 64.

²⁰ Pondok Pesantren Tebuireng Jombang Jawa Timur diasaskan oleh seorang ulama terkenal iaitu Kiyai Hasyim Ashari (1871-1947) yang telah didaftarkan oleh pemerintah Belanda pada 6hb Februari 1906. Beliau mendapat pendidikan di Pesantren Wonokoyo (Probolinggo), Pesantren Langitan Tuban, Pesantren Tringgilis, Pesantren Kademangan (Bangalan Madura) dan Pesantren Siwalan Panji (Sidoarjo). Beliau melahirkan ramai ulama, antaranya Kiyai Wahab Abdullah iaitu seorang ulama Nahdatul Ulama, Kiyai Abbas Pendiri Pesantren Buntet, Kiyai As'ad Syamsul 'Ariffin Pendiri Pesantren Denanyar, Kiyai Bisri Syansuri, Kiyai Abdul Manaf Abdul Karim Pendiri Pesantren Lirboyo, Kiyai Masykur, Kiyai Saifuddin Zuhri iaitu menteri agama Indonesia dan lain-lain. Sehingga tahun 1947 seramai 20 ribu orang ulama merupakan lulusan Pesantren Tebuireng. Kiyai Saifuddin menyebut Pesantren Tebuireng sebagai *Kiblat* Pesantren Jawa. Lihat Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelangi, "Kiyai Muhammad Ali Qaribun : Pengasas Awal Pondok Di Selangor", 64.

²¹ Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelangi, "Kiyai Muhammad Ali Qaribun : Pengasas Awal Pondok Di Selangor", 65.

²² Anak Kiyai Abbas yang bongsu ialah Kiyai Husin. Beliau telah membangunkan institusi pondok yang lebih dikenali Pondok Kiyai Kusen yang setiap tahun menerbitkan Taqwim Hijrah. Kiyai Kusen merupakan murid kepada Kiyai Abdul Rasyid. Lihat Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelangi, "Kiyai Muhammad Ali Qaribun : Pengasas Awal Pondok Di Selangor", 67.

²³ *Ibid.*

menggunakan kitab. Di antara kitab yang digunakan semasa mengajar ialah *Safinatun Naja*, *Fathul Mu'in*, *Matan al-Jurumiyyah*, *Mukhtasar Jiddan*, *Ihya 'Ulumuddin* dan *Khazinah al-Asrar* yang diperolehi dari Singgapura dan Pulau Pinang.²⁴

3) Kiyai Khalil Ibn Abu 'Ammar

Beliau ialah Ma'sum bin Muzayyin yang berasal dari Lasem Jawa Tengah. Beliau menukar nama kepada Muhammad Khalil kerana mengambil sempena dan tabarruk gurunya yang dikasihi iaitu Kiyai Khalil yang berasal dari Pulau Madura Jawa Timur. Sementara ayahnya juga menukar nama kepada Kiyai Abu Ammar selepas menunaikan haji di Makkah al-Mukarramah. Maka masyhurlah nama beliau di Malaya ketika itu dengan nama Kiyai Khalil bin Abu Ammar. Beliau kembali ke rahmatullah pada penghujung tahun 1978 selepas menunaikan haji bersama isterinya Nyai Salbiyyah Hj Othman dan anaknya Hajjah Sofiyyah di Makkah al-Mukarramah.²⁵

Beliau mula belajar di Pesantren Rembang dan kemudian berpindah ke Pesantren Pati, akhirnya beliau belajar di Tebu Ireng Jombang Jawa Timur. Di pondok Tebu Ireng beliau telah berguru dengan Kiyai Hasyim Asy'ari. Di samping itu, beliau berguru juga dengan Kiyai Khalil Bengkalan/Madura. Hasil perguruan beliau dengan Kiyai Khalil Madura, beliau mempunyai kemahiran yang agak luar biasa dalam ilmu nahu bahasa Arab. Antara kitab yang menjadi kebiasaan dalam kelasnya ialah kitab Alfah. Menurut ustaz Ahmad Mukhit, Mu'allim Indra Wangsa, beliau belajar hanya tiga tahun sahaja tetapi dalam masa tersebut beliau dikurung oleh gurunya dan menghabiskan seluruh masanya untuk mempelajari pelbagai ilmu. Dikhabarkan beliau tidak tidur sepanjang malam untuk menelaah kitab-kitab sehingga subuh.²⁶

Di Selangor beliau menetap di Kampung Lombong dan kemudian berhijrah ke kampung Batu 6 Bukit Naga, Klang. Di kampung Batu 6 inilah beliau bertemu jodoh dengan Nyai Salbiyyah Hj Othman dan dijabkabulkan oleh Sheikh al-Islam Tengku Mahmud Zuhdi. Beliau telah mendirikan pondok di kampung Batu 6 Bukit Naga, Klang yang diberi nama Ribat al-Fuad pada tahun 1940. Pada tahun 1950-an pondok beliau mendapat sambutan dan penuntutnya terdiri dari seluruh daerah Selangor, Perak dan Johor.²⁷

Di samping mengajar di pondoknya, beliau telah diminta oleh Syeikh al-Islam Tengku Mahmud Zuhdi untuk menjawat jawatan sebagai Tuan Mudir di Ma'ahad Hisyamuddin. Selain menghabiskan masa di pondok Ribat al-Fuad dan Ma'ahad Hisyamuddin, beliau

²⁴ Ustaz Benu (merupakan salah sorang murid Kiyai Haji Muhammad Ali selama 4 tahun), temubual pada 14hb April 2007.

²⁵ Mahfuz Muhammad al-Khalil, "Kiyai Khalil Ibn Abu 'Ammar Dalam Lipatan Sejarah Perkembangan Ilmu Di Selangor Darul Ehsan" (makalah, Seminar Tokoh Ulama Selangor, Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008), 143-147.

²⁶ Ibid.

²⁷ Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Ulama Nusantara: Kiyai Khalil Abu Ammar Pakar Ilmu Arabiah di Selangor", dikemaskini 17 Disember 2008, dicapai 18 Januari 2014, <http://ulama-nusantara.blogspot.com/2008/12/kiyai-khalil-abu-ammar-pakar-ilmu.html>.

juga bertanggungjawab sebagai tuan imam dan juru nikah di Masjid Batu 6 Bukit Naga, Klang. Masjid itu terletak berhampiran dengan rumah beliau.²⁸

Kiyai Khalil terkenal dengan sikapnya yang tegas. Mana-mana anak muridnya yang cuai atau melakukan kesalahan akan dirotan, sama ada di dalam pejabatnya atau di perhimpunan. Ibu bapa menyerahkan anak mereka kepada guru dengan sepenuh hati tanpa berbelah bagi. Tidak sekali-kali mempertikaikan apa juga tindakan guru. Pada ketika itu ketaatan murid terhadap guru memang dapat dilihat. Hasilnya para generasi muda berjaya dan berakhhlak mulia. Ma'ahad Hisyamuddin telah melahirkan ramai para ilmuan seperti Timbalan Mufti Selangor Datuk Majid, Ustaz Ahmad Muhit bin Yusuf, Datuk Hasan Azhari, Ustaz Soim, Datuk Ismail Kamus dan ramai lagi.²⁹

4) Kiyai Haji Husain Bin Haji Abbas

Nama beliau ialah Kiyai Haji Husain bin Haji Abbas @ Abdullah Kafi bin Qaribun. Adakalanya beliau meletakan nama jolokan ‘Abu Bakar’ di awal namanya kerana anak sulungnya adalah seorang perempuan, sebagaimana adat kebiasaan di kalangan orang-orang Arab. Adakalanya beliau meletakan gelaran ‘al-Sijankani’ di hujung namanya sebagai nisbah kepada kampung Sijangkang. Beliau diangarkan lahir pada tahun 1918 atau 1919 kerana beliau meninggal dunia pada tahun 1981 dalam usia kira-kira 62 atau 63 tahun. Keturunan beliau belum dapat dipastikan secara jelas kerana beliau tidak suka menceritakan tentang nasab atau asal-usul keturunannya.³⁰

Sejak kecil beliau amat minat menimba ilmu pengetahuan. Beliau telah belajar dengan bapanya sendiri dan telah pergi ke Tanah Jawa untuk belajar di beberapa buah pondok di sana. Antaranya, beliau pernah belajar di Pesantren Lirboyo, Kota Kediri. Selain itu, beliau pernah belajar di Pesantren Termas, Pesantren Tebuireng dan juga Pesantren Krupyak di Jogjakarta. Di Pesantren Krupyak atau Pesantren al-Munawwir, beliau begitu tekun mempelajari al-Quran dengan gurunya iaitu Kiyai Moenawwir dan menghayatinya sehingga beliau berjaya menghafaz keseluruhan 30 juzuk al-Quran serta menguasai seni qiraat.³¹

Setelah pulang dari Tanah Jawa, Kiyai Husain telah membuka sebuah pondok pengajian, meskipun pada masa itu terdapat pondok saudaranya, Kiyai Ali yang sedang aktif dengan aktiviti pengajian. Kemungkinan beliau berpendapat bahawa ianya adalah bagi memudahkan mereka yang berminat mempelajari ilmu agama tetapi tidak mendapat tempat di Pondok Kiyai Ali, justeru itu boleh datang ke pondoknya untuk mempelajari pelbagai ilmu agama di situ. Pondok beliau didirikan sekitar tahun 1944 M dan dikenali sebagai ‘Pondok Kiyai Haji Husain Sijangkang’, atau disebut di kalangan masyarakat Jawa sebagai ‘Pondok Kiyai Kusin’. Pondok ini juga disebut sebagai ‘Asrama Haji Husain’ dan ‘Ma’ahad al-Talabah al-‘Abbasiyah’. Pondok ini menjadi terkenal antara tahun 60-an dan 70-an, namun kemudian ianya pupus kerana tidak ada penyambung yang dapat

²⁸ *Ibid.*

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Mohd. Khafidz bin Soroni, “Kiyai Haji Husain bin Haji Abbas : Tokoh Ulama Masyarakat Jawa di Selangor” (makalah, Seminar Tokoh Ulama Selangor, Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008), 121-122.

³¹ *Ibid.*, 123.

meneruskannya, di samping semakin kurang minat masyarakat untuk belajar secara sistem pondok.³²

Beliau seorang yang alim dalam ilmu-ilmu agama dan bahasa Arab. Kebolehan beliau meliputi segala bidang seperti fiqh, tauhid, tafsir, hadith, nahu dan sebagainya. Beliau adalah seorang hafiz dan juga ahli falak. Kebolehan beliau dalam bidang ilmu falak telah dibuktikan dengan lahirnya (takwim) kalendar khas yang dibuat oleh beliau dan diterbitkan oleh pelajar-pelajarnya pada tiap-tiap tahun. Oleh kerana kelebihan beliau sebagai hafiz, ahli falak dan juga pendidikan dalam hukum-hukum agama, beliau pernah ditawarkan untuk didirikan sebuah asrama khas untuk para pelajarnya oleh Kerajaan Negeri Selangor tetapi beliau menolak. Beliau lebih suka mengasaskan pondok dengan kerjasama dari masyarakat yang ikhlas menegakkan syiar Islam. Sehingga hari ini masih tersergam indah surau di hadapan rumahnya hasil dari khairat (kebajikan) orang ramai.³³

Beliau telah melahirkan ramai pelajar yang kebanyakannya menjadi ustaz-ustaz atau guru-guru agama, imam-imam masjid dan sebagainya. Antaranya, Kiyai Mahdar bin Haji Dahlan, Ustaz Noh Haji Omar iaitu bekas muballigh Pejabat Agama Islam Kuala Langat, Kiyai Haji Harawi bin Kiyai Haji Dahlan bin Haji Hassan Isbath dan ramai lagi. Sesungguhnya, sumbangan Kiyai Husain dalam menyemarakkan kegiatan keilmuan di Selangor suatu masa dahulu sangat besar dan wajar diteladani oleh masyarakat sekarang.³⁴

Penutup

Para ulama dan perkembangan Islam di Selangor mempunyai pertautan yang rapat dan tidak boleh dipisahkan. Peranan dan sumbangan mereka di Selangor juga tidak dapat disangkal lagi iaitu sebagai guru dan rujukan agama secara umumnya. Karier seorang guru merupakan tugas yang mulia dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan mewarisi tugas Rasulullah s.a.w. Oleh itu, peranan dan sumbangan mereka tidak boleh dipandang kecil kerana mereka telah melahirkan ramai tokoh ulama dan ilmuan sekarang yang secara tuntasnya berjaya membentuk sahsiah Muslim yang taat dan patuh dengan ajaran agama Islam. Dengan keberkatan usaha mereka juga maka keaslian ajaran Islam dapat dipelihara dan kesedaran terhadap agama semakin bertambah di kalangan generasi seterusnya, meskipun jasad mereka telah bersemadi di alam kubur. Justeru itu, adalah wajar bagi kita mengenang jasa dan sumbangan mereka kerana tiada yang dapat membalas bakti yang mereka curahkan kecuali Allah s.w.t. sahaja.

³² Laman sesawang “Usrah Hj. Husin : Kiyai Hj Husin Hj Abbas Pendiri Pondok di Sijangkang”, dikemaskini 5 Mac 2009, dicapai 16 Januari 2014, <http://KiyaiKusen.blogspot.com/2009/03/kiai-haji-husain-haji-abbas-pendiri-05.html>.

³³ Yamin bin Samar, “Pendidikan Pondok di Negeri Selangor”(latihan Ilmiah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).

³⁴ Mohd. Khafidz bin Soroni, “Kiyai Haji Husain bin Haji Abbas : Tokoh Ulama Masyarakat Jawa di Selangor”, 132.

Rujukan

- Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelangi, “Riwayat Hidup Kiyai Haji Muhammad Dahlan Bin Hassan Minhaj : Qadhi, Imam dan Syeikh Tarikah” (makalah,Seminar Tokoh Ulama Selangor,Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008).
- Ahmad Shukri Ghazali Siraj Uthman al-Kelangi, “Kiyai Muhammad Ali Qaribun : Pengasas Awal Pondok Di Selangor” (makalah,Seminar Tokoh Ulama Selangor,Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008).
- Ahmad Zaki bin Hj.Arshad, “Hubungan Antara Umara’ dan Ulama di bawah Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor” (makalah,Seminar Tokoh Ulama Selangor,Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008).
- Auni Abdullah, Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintah Alam Melayu (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1991).
- Barbara Watson Andaya (yang menggunakan sumber Belanda sezaman), (“The Installation of the first Sultan of Selangor in 1766M” dalam JMBRAS, vol.XLVII, Pt. 1, 1974).
- J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputera (Kuala Lumpur, 1970).
- Khoo Kay Kim et al., Selangor Dahulu dan Sekarang (Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia, 1985).
- Mahfuz Muhammad al-Khalil, “Kiyai Khalil Ibn Abu ‘Ammar Dalam Lipatan Sejarah Perkembangan Ilmu Di Selangor Darul Ehsan” (makalah,Seminar Tokoh Ulama Selangor,Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008).
- Mohd. Khafidz bin Soroni, “Kiyai Haji Husain bin Haji Abbas : Tokoh Ulama Masyarakat Jawa di Selangor” (makalah,Seminar Tokoh Ulama Selangor,Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008).
- Mohd. Said bin Hj. Mohd Radzi, dalam “Dalam Sejarah Ringkas Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam”, dalam Tinjauan Sejarah, Jilid I, Mac 1973.
- Muhammad bin Santoso, “Tengku Zuhdi Al-Fathani : Syeikh al-Islam Selangor Bersama Sultan Syah Menyebar Agama” (makalah,Seminar Tokoh Ulama Selangor,Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008).
- Muzaffar Dato’ Hj. Muhammad dan Suzana Hj. Othman, Ahlul Bait Rasulullah s.a.w. dan Raja-raja Melayu (Kuala Lumpur : Al-Wasilah Enterprise, 2001).
- Nurul Huda binti Mohd. Bisri, Peranan Kesultanan Melayu-Bugis Terhadap Perkembangan

Islam di Selangor : Suatu Kajian Sejarah (Disertasi sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

Ustaz Benu (merupakan salah sorang murid Kiyai Haji Muhammad Ali selama 4 tahun), temubual pada 14hb April 2007.

Laman sesawang “Usrah Hj. Husin : Kiai Hj Husin Hj Abbas Pendiri Pondok di Sijangkang”, dikemaskini 5 Mac 2009, dicapai 16 Januari 2014, <http://KiyaiKusen.blogspot.com/2009/03/kiai-haji-husain-haji-abbas-pendiri-05html>.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah, “Peranan Ulama-ulama di Serambi Istana Alaeddin”(makalah, Perasmian Bangunan Sultan Idris Shah, Jabatan Agama Islam, Shah Alam, Selangor, 14 Mac 2005).

Wan Mohammad Shaghir Abdullah, ”Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani”(Utusan Malaysia, Bahagian Agama, syeksyen 3, 22 Mac 2004).

Wan Mohd. Shaghir Abdullah, “Ulama Nusantara:Kiai Khalil Abu Ammar Pakar Ilmu Arabiah di Selangor”, dikemaskini 17 Disember 2008, dicapai 18 Januari 2014, <http://ulama-nusantara.blogspot.com/2008/12/kiai-khalil-abu-ammar-pakar-ilmu.html>.

Yamin bin Samar, “Pendidikan Pondok di Negeri Selangor”(latihan Ilmiah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).

Zakiah Hanum, Asal-usul Negeri-negeri di Malaysia : Negeri Selangor (Petaling Jaya : Times Books International, 1989).